



MAMPU
JABATAN PERDANA MENTERI

TRANSFORMASI DIGITAL: MENEMPA MASA HADAPAN PENDIGITALAN SEKTOR AWAM

PUTRAJAYA, 5 Oktober 2017- *Public Sector CIO Convex 2017* (PSCC 2017) yang dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri pada hari ini dan esok merupakan satu platform bagi Ketua-ketua Pegawai Maklumat (CIO) agensi Kerajaan, rakan strategik industri dan antarabangsa untuk berkumpul dan meneroka transformasi digital bagi sektor awam di samping memastikan CIO memperoleh informasi yang lengkap mengenai *trend* dan teknologi digital yang terkini serta berpotensi untuk diinovasikan. Pelancaran persidangan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya.

Menurut YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, persidangan yang diadakan ini selaras dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam bagi tahun 2016-2020 yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, perniagaan dan organisasi antarabangsa ke arah pemodenan penyampaian perkhidmatan awam.

“Kerajaan perlu memberi keutamaan kepada rakyat dalam semua usaha penyampaian perkhidmatan bersesuaian dengan prinsip teras kerajaan yang berpaksikan rakyat. Bagi menyediakan perkhidmatan digital yang berorientasikan rakyat, Kerajaan perlu bertindak sebagai platform untuk memudahkan sumber sedia ada bagi menyalurkan perkhidmatan digital yang inklusif dan sangat responsif,” kata YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa selepas melancarkan majlis tersebut.

Pada tahun ini, persidangan yang bertemakan ‘**Transformasi Digital: Menempa Masa Hadapan Pendigitalan Sektor Awam**’ turut memberi tumpuan kepada penerokaan keupayaan teknologi digital masa kini seperti bidang *Artificial Intelligence (AI)*, keselamatan siber, analitis data, *clouds*, *Blockchain Technology* dan *Citizen Centric Design* dalam usaha meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat

“Adalah satu kemestian bahawa transformasi digital di Malaysia dilaksanakan secara berterusan kerana perubahan kepada proses dan

sistem ICT, serta cara pemikiran rakyat diperlukan,” tambah YBhg. Dato’ Dr. Mazlan Yusoff, Ketua Pengarah MAMPU ketika diminta mengulas mengenai persidangan yang turut dihadiri oleh CIO peringkat ASEAN ini.

Antara pengisian persidangan sepanjang dua (2) hari ini ialah penyampian dua (2) ucapan, tujuh (7) sesi perbentangan antarabangsa, lapan (8) sesi kajian kes teknologi, tujuh (7) perbincangan panel dan sebuah Debat Perdana. Seramai 43 orang penceramah daripada 18 organisasi antarabangsa dari 8 negara, serta 25 organisasi tempatan dari sektor kerajaan, swasta dan institusi akademik, akan menyertai persidangan ini. Selain itu, PSCC 2017 juga turut menganjurkan Karnival Digital untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan pengunjung mengenai transformasi digital.

Majlis juga turut menyaksikan penyampaian hadiah untuk Pemenang Pertandingan Hackathon bagi kategori Open Data dan Mobile Apps. Pengiktirafan turut diberikan kepada yang mempunyai bakat dan menghasilkan inovasi ICT dalam *Big Data Analytics (BDA) Coaching*, Digital Document Management System (DDMS) 2.0, Kumpulan Wang Amanah ICT (KWAICT) dan *Government Brighton Awards*.

Peserta persidangan terdiri daripada pegawai Kerajaan termasuk Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), Ketua Jabatan, Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer –CIO*) agensi dan Pengurus ICT agensi, badan berkanun dan rakan strategik dari industri.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat
Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU), Jabatan Perdana Menteri
Tel : 03-88723138
Fax : 03-88883566
Email : pro@mampu.gov.my